

27 MAY, 2024

## NADI bantu usahawan lonjak pendapatan

Utusan Sarawak, Malaysia

Page 1 of 2

# NADI bantu usahawan lonjak pendapatan

MELAKA: Pusat Sebaran Maklumat Nasional (NADI) yang ditubuhkan kerajaan nyata membantu melonjakkan pendapatan peniaga menerusi pelbagai benturan terutama berkaitan penggunaan teknologi dan khidmat nasihat.

Pemilik Gerobok Puan Kraf and Food Noor Baizura Abdul Wahid, 39, berkata, hasil penyertaan aktif di NADI Jalan Kemus, Alor Gajah, pendapatannya kini mampu mencapai lima angka sebulan selepas peniaga menjual pelbagai produk kraf tangannya dan makaran sejak 2017.

"Pada 2017, saya yang berkerja di Kuala Lumpur mengikuti suami balik kampung untuk memulakan perniagaan. Pada mulanya saya hanya membuka

gerai di tepi jalan dengan menjual barang-barang kraf sahaja.

"Kerana tak ada kemudahan komputer riba, saya kemudian mengunjungi NADI pada 2019 untuk menggunakan perkhidmatan di pusat tersebut untuk membuat kertas kerja bagi memohon geran bantuan daripada kerajaan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui Bernama di Pavilion RIUH x Hari Belia Negara di Dataran Pahlawan, Banda Hilir di sini semalam.

Mengulas lanjut, ibu kepada lima anak berusia antara tiga hingga 14 tahun itu berkata di NADI, kakitangan di pusat berkenaan kemudiannya mengajar beliau cara membuat kertas

kerja dengan lebih baik dan kemas.

Beliau berkata hasil daripada kertas kerja tersebut, beliau menerima beberapa geran daripada Majlis Amanah Rakyat (MARA), Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (Mardi) dan Pihak Berkuaasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (Rida).

"Selain mengajar membuat kertas kerja, saya juga meng-



### KREATIF... Peniaga

Nassaliza Sahim menunjukkan produk kraf tangan Gerobok Puan Kraf and Food yang dijual di pavilion RIUH x Hari Belia Negara sempena Hari Belia Negara 2024 Peringkat Kebangsaan di Dataran Pahlawan, semalam.

• Foto BERNAMA

kutu kelas disediakan NADI untuk membuka perniagaan dalam talian menerusi aplikasi e-dagang seperti Shopee dan Lazada.

"Hasil daripada tunjuk ajar kakitangan NADI, saya kini mampu membuka dua kedai

secara fizikal di Simpang Ampat, Alor Gajah dan berjaya menambah pendapatan ke lima angka setiap bulan," katanya yang tinggal di Taboh Naning.

Justeru beliau menyertu agar peniaga dalam talian mahupun fizikal untuk mendapatkan khidmat nasihat di NADI bagi meningkatkan pengetahuan dan ilmu sekali gus menjana pendapatan lebih baik. — Bernama



**SUSUN PRODUK...** Peniaga Nassaliza Sahim menyusun atur produk-produk kraf tangan Gerobok Puan Kraf and Food yang dijual di pavilion RIUH x Hari Belia Negara sempena Hari Belia Negara 2024 Peringkat Kebangsaan di Dataran Pahlawan, semalam.



27 MAY, 2024

## NADI bantu usahawan lonjak pendapatan

Utusan Sarawak, Malaysia

Page 2 of 2

### SUMMARIES

MELAKA: Pusat Sebaran Maklumat Nasional (NADI) yang ditubuhkan kerajaan nyata membantu melonjakkan pendapatan peniaga menerusi pelbagai bantuan terutama berkaitan penggunaan teknologi dan khidmat nasihat. Pemilik Gerobok Puan Kraf and Food Noor Baizu'ra Abdul Wahid, 39, berkata, hasil penyertaan aktif di NADI Jalan Kemus, Alor Gajah, pendapatannya kini mampu mencecah lima angka sebulan selepas peniaga menjual pelbagai produk kraftangan dan makanan sejak 2017.